Universiti Malaysia PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

**Jabatan Pendaftar**
*Registrar Department*

Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel. : +609 424 5200
Faks : +609 424 5222

Rujukan Kami (Our Ref) : UMP.02.01/10.12/2 Jilid 8 (17)
Tarikh : 9 April 2020

**Staf**
**Universiti Malaysia Pahang**

**Y.H. Dato' / Y. Bhg. Datin / Profesor / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan**

**PENGURANGAN KADAR CARUMAN BERKANUN SYER PEKERJA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada pengumuman pihak KWSP bertarikh 6 Mac 2020 adalah berkaitan.

2. Merujuk kepada Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 yang diumumkan oleh Kerajaan pada 27 Februari 2020 berkaitan kadar caruman berkanun syer pekerja baharu, **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** dengan ini menjelaskan bahawa kadar caruman berkanun syer pekerja akan dikurangkan daripada 11 peratus kepada tujuh (7) peratus.

a. Kadar caruman berkanun syer pekerja baharu ini akan berkuat kuasa mulai upah pekerja bulan April 2020 (caruman Mei 2020) sehingga upah pekerja bulan Disember 2020 (caruman Januari 2021), tertakluk kepada Jadual Ketiga Akta KWSP 1991.

b. Kadar caruman berkanun syer pekerja baharu ini adalah terpakai untuk pekerja berumur bawah 60 tahun yang wajib mencarum. Manakala kadar caruman berkanun untuk pekerja berumur 60 tahun dan ke atas adalah kekal.

5. Ahli boleh membuat pilihan untuk mengekalkan caruman syer pekerja pada kadar 11 peratus dengan melengkapkan Borang KWSP 17A (Khas 2020) menerusi sistem Bahagian Sumber Manusia mulai 24 April 2020 hingga 30 April 2020. Borang

ini hendaklah dikemukakan kepada KWSP melalui majikan (Jabatan Pendaftar) dan berkuat kuasa mulai bulan berikutnya.

6. Untuk maklumat lanjut berkenaan perubahan kadar caruman boleh berhubung terus dengan Puan Siti Sakinah binti Mohtar / Encik Syarifuddin bin Mohamad.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*“Memasyarakatkan Teknologi”*

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. MADYA DR. MOHD RIDZUAN BIN DARUN**

Ketua Pegawai Operasi / Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang

s.k. : Naib Canselor